



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN



---

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

---

**MAJLIS PELANCARAN LOGO SAMBUTAN JUBLI EMAS 50  
TAHUN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)  
& MAJLIS MENANDATANGANI MOU PROJEK SMART  
SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB) ANTARA  
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU DAN BERNAS**

---

**LADANG MERDEKA JELOR | 23 JAN 2022 | AHAD | 10.00  
PAGI**

---

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) kerana kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama bagi meraikan dan menyempurnakan **Majlis Pelancaran Logo Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)**. Terima kasih juga kepada semua yang hadir kerana dapat kita bersama-sama berkumpul dan menjayakan majlis ini.
2. Di kesempatan ini, saya rakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua warga kerja KADA sejak dari penubuhannya pada tahun 1972 hingga kini atas segala jasa dan khidmat bakti, **sepanjang tempoh 5 abad atau 50 Tahun ini**.

**YB Dato, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

3. Dalam meniti usia 50 tahun, wujudnya KADA, agensi ini dilihat sebagai sebahagian daripada sejarah penting kepada industri pertanian negara terutama **dalam sektor padi dan beras**.
4. KADA menjadi agensi yang komited **memperjuangkan kemajuan sosial dan ekonomi golongan petani** sejak penubuhannya pada 30 Mac 1972.
5. KADA dilihat sebagai sebuah agensi yang sentiasa berusaha keras dalam **meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan petani** di kawasannya, sekaligus menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian negara secara keseluruhan.
6. Apatah lagi, KADA telah banyak **membantu meningkatkan taraf hidup dan sumber ekonomi petani** dari semasa ke semasa menerusi pelbagai program dan inisiatif dalam meningkatkan produktiviti mahupun kepelbagaian sumber pendapatan petani melalui pelbagai bidang termasuk aktiviti agropelancongan dan industri hiliran.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

7. Sektor pertanian diunjur berkembang sebanyak 3.8% setahun dalam tempoh RMKe-12 dan menyumbang 7% kepada KDNK pada tahun 2025. Dalam hubungan ini, sasaran pertumbuhan sektor agromakanan yang dijangka berkembang pada kadar 4.5% setahun dalam tempoh RMKe-12 bakal meletakkan sektor ini antara penyumbang penting kepada KDNK negara.
8. Selari dengan sasaran meletakkan sektor pertanian sebagai antara penyumbang penting ekonomi negara, **pelbagai program dan pendekatan baharu telah dirangka merentasi semua subsektor agromakanan termasuk Padi dan Beras** bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan makanan negara mencukupi sepanjang masa.
9. Pada hari ini juga, kita akan saksikan **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara KADA dan Syarikat Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS)** bagi menguruskan Projek Perintis Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dan **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara KADA dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK)** bagi membangunkan tanah milik PKPNK di Mukim Kala, Pasir Mas sebagai Projek Perintis SMART SBB.
10. Saya yakin dengan kepakaran kedua-kedua agensi ini, akan berlaku lonjakan peningkatan hasil padi khususnya di dalam kawasan KADA ini. **Dengan pengalaman yang dimiliki dan sokongan serta kerjasama daripada golongan sasar kita iaitu petani**, sudah pasti kerjasama dalam program SMART SBB ini akan membawa hasil yang lebih baik.

**YBhg Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,**

11. Sebelum ini, Kementerian juga pernah memperkenalkan beberapa program sawah berskala besar seperti **Projek Pemacu Pertanian (PPP)** dibawah NKEA - Penanaman Padi Berskala Besar yang telah dilaksanakan di KADA, projek Mini Estet Padi dan projek Ladang Merdeka.

12. Melangkah ke hadapan, sudah tiba masanya kita mengorak langkah dengan memberi **peluang kepada pihak swasta untuk turut serta menyumbang kepakaran dan tenaga** dalam usaha membantu meningkatkan hasil padi dan beras negara.
13. Penglibatan pihak swasta ini juga dilihat mampu memberikan nafas dan semangat baru kepada industri padi dan beras negara melalui pendekatan baru dengan **memanfaatkan sumber modal pembiayaan swasta semaksimum mungkin dan akan mengurangkan tanggungan kewangan Kerajaan dalam jangka masa panjang.**
14. Program SMART SBB turut menyokong hasrat Kerajaan yang sedang mengalihkan **orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur**, bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.
15. Saya melihat program SMART SBB ini sebagai **satu peluang kerjasama strategik yang menguntungkan pesawah** selain menjadikan mereka sebagai rakan kongsi utama dalam pembangunan sektor padi dan beras di negara ini.

**YBhg Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,**

16. MAFI telah mula melaksanakan program SMART SBB yang merupakan **kerjasama pintar awam dan swasta untuk membangunkan kawasan penanaman padi secara berperingkat di Semenanjung Malaysia**. Pendekatan ini adalah sebagaimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.
17. Jalinan kerjasama pintar dan strategik awam dan swasta ini telah bermula sejak Februari 2021 dan setakat ini terdapat **penyertaan lapan belas (18) syarikat peneraju yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Kerajaan** mensasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar.

18. Program ini terbukti berhasil meningkatkan pendapatan dan produktiviti pesawah serta pengusaha dengan pengurusan sumber secara optimum melalui program penyatuan tanah sawah. Kejayaan Program SMART SBB telah **diterjemahkan melalui pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) MAFI.**
19. Untuk rekod, setakat Oktober 2021 sahaja, **seramai 3,811 orang pesawah telah mendapat manfaat daripada program SMART SBB melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,778 hektar** di beberapa tempat termasuk IADA Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak.
20. Program SMART SBB ini juga dilihat mampu memberikan pendedahan kepada **amalan-amalan pertanian baik dalam membentuk disiplin kerja yang lebih produktif dan berdaya saing.**
21. Selain itu, **peranan orang tengah** yang selama ini mengenakan caj perkhidmatan yang tinggi kepada pesawah juga akan dihapuskan atau dikurangkan.
22. **Penggunaan teknologi moden atau *Internet of Things* (IoT) dalam penanaman padi adalah elemen penting yang ditekankan dalam Program SMART SBB.** Elemen teknologi yang diterapkan dapat mengurangkan kos penanaman disamping meningkatkan produktiviti hasil pertanian padi.
23. Ringkasnya, **Program SMART SBB merupakan hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang sedang dilaksanakan oleh MAFI** bagi meningkatkan produktiviti dalam **mencapai SSL beras** yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu **sebanyak 75 peratus.**
24. Saya yakin dengan kesungguhan semua, program ini bakal mencapai kejayaan besar yang seterusnya akan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan sasar.

**YBhg Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,**

25. Saya difahamkan **pengurangan kluasan padi di dalam kawasan jelapang KADA semakin membimbangkan**. Keadaan ini berlaku antara lain disebabkan pembangunan projek komersil dan perumahan. Keluasan kawasan padi KADA telah **menyusut sebanyak 14 peratus iaitu hampir 5,000 hektar bagi tempoh 20 tahun bermula tahun 2000.**
26. Keadaan ini amat membimbangkan kerana ia sudah pasti akan **mengurangkan pendapatan dan jumlah hasil padi yang diperolehi**. Tanpa program-program berskala besar seperti Smart SBB, sudah pasti jumlah hasil ini tidak dapat ditingkatkan.
27. Untuk itu, bagi musim ini sahaja, **sebanyak 100 hektar tanah sawah di Mukim Bunut Susu, Pasir Mas dan 34 hektar lagi di Ladang Merdeka Jelor** telah diperuntukkan untuk diusahakan bersama dengan BERNAS dengan **anggaran kos keseluruhan melibatkan hampir 10 juta ringgit** bagi tempoh 15 tahun pelaksanaan projek merangkumi kos infrastruktur dan pengairan serta proses penyuburan tanah.
28. Melalui program ini, jurang di sepanjang rantaian penghasilan beras negara juga dapat dirapatkan dan seterusnya memberi peluang kepada **pemain-pemain industri untuk bergerak dengan lebih efisien di dalam sektor padi dan beras.**
29. Menjadi harapan saya agar usaha murni ini **terus diperkasa dan mendapat sokongan semua pihak** selari dengan matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara sepanjang masa sekaligus membela golongan petani, penternak dan nelayan.

**YBhg Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,**

30. Saya mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada **YBhg Datuk Pengurus KADA, Datuk Kamarudin Md Nor, Pengurus Besar KADA, Tuan Hj Nik Roslan Idris serta En Abdul Rahman Mohd Nasri, Ketua Bahagian Pengurusan Konsesi dan Aktiviti Huluan mewakili YBhg Datuk Haris Fadzilah Hassan, Pengarah Urusan Kumpulan Bernas**

kerana telah menjemput saya ke pada majlis ini dan tak lupa juga buat semua yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis ini.

31. Akhir kata, saya dengan sukacitanya melancarkan **LOGO SAMBUTAN 50 TAHUN KADA.**

Sekian, terima kasih.